KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

چانڠ
CANANG

JANUARI 2019

"Khusus dalam konteks hubungan dengan negara-negara rantau ASEAN, kita perlulah berusaha ke arah proses membangun Komuniti ASEAN itu sendiri, di mana dengan berbuat demikian, kita akan mampu untuk memastikan kejayaan bagi generasi masa kini dan akan datang.

Rantau ASEAN sedang bergerak pantas ke arah pertumbuhan ekonomi. Ia dijangkakan menjadi kuasa keempat ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030. Maka ke arah itu, kita perlulah melipatgandakan lagi usaha memperkasa perdagangan intra-ASEAN."

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
Menyambut Tahun Baru Masihi 2019

PENYERAHAN DERMA BAGI TABUNG BENCANA SULAWESI

Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison BERAKAS, Jumaat, 4 Januari

Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud menyampaikan sumbangan Warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berjumlah BND14,920.00

Pejabat Menteri KKBS, BERAKAS, Sabtu, 5 Januari

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof selaku Raes Rabithah Antarabangsa Alumni Azhar Brunei Darussalam menyampaikan sumbangan daripada Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam berjumlah BND12,000.00

Pejabat Menteri KKBS, BERAKAS, Sabtu, 5 Januari

Pemangku Pengarah Urusan Hani Marzuqi Car Rental Sendirian Berhad, Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin menyampaikan sumbangan berjumlah BND1,000.00

MAJLIS PELANCARAN

FESTIVAL MEMANAH TRADISIONAL BRUNEI

Kompleks Sukan Jerudong, JERUDONG, Sabtu, 5 Januari - Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan pelancaran Festival Memanah Tradisional Brunei bersempena Festival Disember Brunei (BDF 2018).

Festival anjuran Ar-Rafi Archery Brunei ini berlangsung selama tiga hari di Kompleks Sukan Jerudong.

MAJLIS PELANCARAN MALAM MINGGU PUSAT BELIA

PUSAT BELIA, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Januari - "Sememangnya, dalam menerokai industri kreatif, apa yang turut penting ialah bagi para belia kita untuk sentiasa bersatu padu dalam memanfaatkan kolaborasi antara satu sama lain. Dalam usaha bersama ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan turut memberikan sokongan kuat kepada Industri Kreatif belia kita yang merangkumi pelbagai bidang," ***Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.***

Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) merupakan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan Sukarelawan Belia yang diadakan pada malam minggu pertama setiap bulan sepanjang tahun. Program bulanan ini dikendalikan oleh para belia dengan memanfaatkan sepenuhnya fasiliti dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Belia untuk pelbagai aktiviti.

RESTORAN SAFFRON, KIULAP, Ahad, 6 Januari – Empat perenang, iaitu Awang Christian Nikles, Awang Nur Haziq Samil, Dayang Ashley Chai dan Awang Muhammad Isa Ahmad masing-masing menerima insentif berjumlah BND300 yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Insentif tersebut diberikan oleh Persatuan Renang Amatur Brunei (BASA) kepada perenang kebangsaan yang mengambil bahagian dalam acara-acara yang disahkan oleh BASA dan FINA, di samping mematuhi peraturan dan peraturan FINA, juga sistem waktu elektronik yang tepat pada kejohanan tempatan atau antarabangsa.

EMPAT ATLET RENANG KEBANGSAAN TERIMA INSENTIF, PENGIKTIRAFAN

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Selasa, 8 Januari -

"Komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa untuk memperjuangkan hak OKU telah direalisasikan apabila Negara Brunei Darussalam meratifikasikan *United Nation Convention on Rights of Persons with Disabilities* pada 11 April 2016. Ini merupakan penanda di perhatian dunia bahawa Negara ini sentiasa komited terhadap golongan OKU dan sentiasa berusaha untuk melibatkan mereka dalam arus kemajuan Negara. Oleh itu, dengan memanfaatkan *whole of nation approach* marilah kita sama-sama berganding bahu dalam penyediaan lebih banyak *platform* dan peluang yang bermakna kepada golongan OKU dalam pembangunan negara, terutamanya penglibatan mereka dalam alam pekerjaan."

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan semasa Majlis Perasmian Forum Sempena Sambutan Hari Antarabangsa OKU 2019.

MAJLIS FORUM SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA OKU

Setakat ini jumlah OKU yang berdaftar adalah 6506 orang - (*sumber statistik Jabatan Pembangunan Masyarakat*).

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-5, SCOT DAN MAJLIS PENGANUGERAHAN SCOT HONORARY AWARD

PUSAT BELIA, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Januari -
Yang Berhormat Menteri kebudayaan Belia dan Sukan hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-5, SCOT dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penganugerahan SCOT Honorary Award.

SCOT Honorary Award 2018 -
Pengiran Salimatul Sa'adah binti Pengiran Mohd. Saleh, Presiden SCOT.

The Stakeholder Award -
KawanBumi Enterprise.

'Pemberian Aspirasi' atau Certificates of Aspiration -
Muhammad Farhan bin Azama.

MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENYERAHAN SURAT LANTIKAN BAGI 23 AHLI PERSEKUTUAN WUSHU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hotel Rizqun, GADONG, Ahad, 13 Januari - Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam telah melantik seramai 23 orang selaku Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi (AJKT) bagi sesi 2019 - 2022 yang disaksikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diselajurkan dengan upacara menandatangani surat perjanjian penganjuran Wushu Remaja Asia ke-10 yang bakal diadakan dalam bulan Ogos nanti. Chan Weng Kit, Setiausaha Agung menandatangani bagi pihak Persekutuan Wushu Asia (WFA) dan disaksikan oleh Naib Presiden WFA, Julian Camacho, manakala Persekutuan Wushu Brunei Darussalam diwakili oleh Presidennya, Lim Boon Hwa yang disaksikan oleh Timbalan Presiden, Md. Firdaus Abdul Rahman.

STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS, Isnin, 14 Januari - Seramai sembilan atlet, dua jurulatih, seorang penolong jurulatih dan dua buah Persatuan Sukan Kebangsaan telah menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS).

Penerima-penerima terdiri daripada atlet-atlet Sukan Para Bowling dan Boling Padang yang telah berjaya dan meraih pingat di Micron Singapore World Para Bowling Tour Series 2018 pada 25 Februari hingga 2 Mac 2018 di Singapura - BND29,725; 12th Asian Lawn Bowls Championship 2017 pada 3 hingga 10 Oktober 2017 di New Delhi, India - BND8,400 dan World Singles Champions of Champions 2016 pada 14 hingga 20 November 2016 di Queensland, Australia menerima ganjaran berjumlah BND13,200.

Manakala seorang atlet wushu telah diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran tinggi di dalam negeri menerima ganjaran berjumlah BND2,120.

WARGA CERGAS KKBS

KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS, Sabtu, 19 Januari - Warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan dibawahnya mengadakan beberapa aktiviti riadah yang diadakan serentak di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan kawasan-kawasan sekitarnya. Program ini diadakan secara berkala disepanjang tahun bagi membudayakan aktiviti-aktiviti cergas dan sihat dikalangan warga KKBS.

Riadah kali ini dikelolakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) memfokuskan kepada sukan-sukan bela diri seperti Wushu, Kempo, Fencing Sabre, Taekwondo, Karate dan Pencak Silat.

HOTEL EMPIRE, JERUDONG, Rabu, 23 Januari - Brunei Cement Butra Heidelberg Cement Sendirian Berhad merupakan penaja utama Kejohanan Asian Development Tour (ADT) 2019 yang akan diadakan selama empat hari bermula 24 April 2019, menawarkan hadiah wang berjumlah USD75,000.

Objektif utama kejohanan berkenaan ialah bagi mempromosikan Brunei sebagai destinasi golf premium di rantau ini, selain memberi galakan kepada belia di negara ini untuk menyertai sukan berkenaan.

MAJLIS PENANDATANGAN PERJANJIAN PENAJAAN KEJOHANAN ASIAN DEVELOPMENT TOUR (ADT) 2019

PERTUKARAN JUDO MELALUI PROGRAM OUTBOUND JENESYS2018

22 HINGGA 29 JANUARI 2019.

JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Januari - Seramai 18 ahli rombongan dari Jepun terdiri daripada 15 penuntut dan tiga pegawai penyelia telah mengadakan kunjungan muhibbah kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat, bertempat di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Jalan Kebangsaan.

Rombongan tersebut dalam rangka Pertukaran Judo melalui Program Outbound JENESYS2018, berada di negara ini bermula 22 hingga 29 Januari 2019. Antara aktiviti-aktiviti yang dijadualkan ialah program lawatan ke dua buah sekolah yang dipilih dan program 'homestay' bersama keluarga tempatan.

JENESYS2018 merupakan komponen serantau 'Japan Friendship Ties Programme' yang menggalakkan pertukaran rakyat antara rakyat Jepun dengan negara lain.

LAWATAN YANG BERHORMAT TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU, MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE BANGUNAN ALAT KEBESARAN DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN

24.01.2019

Berakas, Jumaat, 25 Januari - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan 30 komputer meja dan komputer riba kepada kanak-kanak dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Komputer di bawah Tanggungjawab Sosial Koporat (CSR) Syarikat Telekom Brunei Bhd (TelBru).

Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, Mr. David Holliday dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan syarikat tersebut telah memilih anak-anak sekolah sebagai penerima Tanggungjawab Sosial Koporat (CSR) yang khusus dengan harapan agar mereka dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran terutama dalam dunia ICT yang berperanan penting dalam pembangunan kapasiti manusia.

Sumbangan ini merupakan siri pertama dari beberapa rancangan lain yang dilaksanakan di bawah program 'One Computer Per Child' menumpukan perhatian kepada anak-anak yang mempunyai kebolehan yang berbeza, kurang berkemampuan dan kanak-kanak yang paling lemah dalam masyarakat.

Rancangan tersebut bakal dilaksanakan dalam beberapa bulan akan datang dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (JAPEM) KKBS. Ianya adalah sebahagian daripada sokongan berterusan Telekom Brunei Berhad (TelBru) ke arah pembangunan belia-belia di negara ini.

Komputer riba yang disumbangkan itu telah diperbaharui dari inventori TelBru sendiri dengan pengemaskinian yang sesuai untuk keperluan belia-belia dan kanak-kanak sekolah seperti perisian Microsoft yang bersifat sejagat dengan penggunaan yang terpakai dalam mana-mana persekitaran kerja.

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KOMPUTER

SIDANG MEDIA
BANDAR SERI BEGAWAN
BANDAR KETAMADUNAN ISLAM 2019

16.01.2019



MAJLIS PERASMIAN PAMERAN JEJAK SENI BINA ISLAM BANDAR SERI BEGAWAN

17.01.2019

PENYERAHAN POSTER
BANDAR SERI BEGAWAN
BANDAR KETAMADUNAN ISLAM 2019

19.01.2019

KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN), BATU APOI, TEMBURONG, Ahad, 27 Januari - Sebanyak tujuh buah kumpulan menyertai Perlawanan Tiga Cabaran yang julung-julung kalinya diadakan, iaitu Gemilang Biru 8; Persatuan Alumni PKBN 1; Persatuan Alumni PKBN 2; Orang Kaya Muda; Orang Kaya Sura; Orang Kaya Setia dan Orang Kaya Periwara. Setiap kumpulan dianggotai seramai 34 orang ahli pasukan bertanding dalam acara Rock Climbing; Larian Menempuh Halangan dan Tarik Kalat.

Juara
Gemilang Biru 8 - 45 mata

Kedua
PKBN 1 - 33 mata

Ketiga
Orang Kaya Muda - 31 mata

PERLAWANAN TIGA CABARAN ALUMNI PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN)

SEKOLAH RENDAH DATO MOHD. YASSIN, MENTIRI, Ahad, 27 Januari - Program Curahan Ilmu 2019 dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara Panchor Mengkubau melalui Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan (BKP), Teachmeguru di bawah Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), KKBS dengan sokongan bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Seramai 40 pelajar Tahun 6 yang bakal menduduki peperiksaan PSR tahun telah terpilih dari senarai 248 pelajar-pelajar (Sekolah Rendah Mentiri; SR Dato Mohd. Yassin; SR Sungai Besar; Sekolah Arab; SR Jalan 49 Lambak Kanan; SR Anggerek Desa dan SR Raja Isteri Fatimah) mengikuti tuisyen secara percuma bagi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan English.

PROGRAM CURAHAN ILMU

PANTAI TUNGKU, BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Januari 2019 - The Collective Art Events menganjurkan buat julung kalinya Pertandingan Meluncur Air Amatur yang disokong penuh oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan Persatuan Pelayaran Brunei Darussalam (BDYA).

Johan - Ely, Kedua - Toon Siew dan Ketiga - Izzi Adi.

PERTANDINGAN MELUNCUR AIR AMATUR



"Dengan adanya sokongan daripada BDYA, saya pasti sukan ini akan terus maju ke hadapan dan akan diterima oleh masyarakat. Sukan meluncur air ini bukanlah satu sukan yang baharu tetapi di negara ini, ia merupakan satu sukan yang jarang-jarang didengar dan dilakukan,"
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

PAMERAN BOUNDLESS PLAINS:
THE AUSTRALIAN MUSLIM CONNECTION

Australia mempunyai lebih 600,000 Muslim dari lebih 120 buah negara di seluruh dunia.

KOMPLEKS MEMBELI-BELAH MABOHAI, BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Januari. - Pameran Fotografi yang bertajuk 'Boundless Plains: The Australian Muslim Connection' memperlihatkan keindahan seni dan warisan sejarah Islam yang terdapat di Australia. Projek kolaborasi Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam dan Muzium Islam Australia (IMA) ini adalah sebagai satu langkah pemberigaan dan mengembangluaskan informasi mengenai sejarah Islam di Australia dan kepelbagaian budaya dan ugama yang menjadi salah satu tunggak kekuatan masyarakat Australia.

KUNJUNGAN MUHIBBAH

MUZIUM ISLAM AUSTRALIA MR . ASSAN ANSAR DAN MR ALI FAHOUR , DAN PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA PUAN YANG TERUTAMA NICOLA ROSENBLAUM

28.01.2019

KUNJUNGAN HORMAT

KETUA-KETUA PERWAKILAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

30.01.2019

Puan Yang Terutama Dayang Hajah Masurai binti Haji Masri (PBB, Geneva, Konfederasi Swiss),
Puan Yang Terutama Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman (PBB, New York, Amerika Syarikat),
Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Rooslina Weti binti Pengiran Haji Kamaluddin (United Kingdom), dan
Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar (Republik Demokratik Timor-Leste).

KUNJUNGAN HORMAT TUAN YANG TERUTAMA AJANEESH KUMAR

PESURUHJAYA TINGGI REPUBLIK INDIA

30.01.2019

PENYERAHAN DERMA BAGI TABUNG BENCANA SULAWESI

DEWAN CITRA KKBS, BANDAR SERI BEGAWAN, RABU, 30 JANUARI - Sebanyak empat buah agensi telah menyerahkan derma bagi TKBS kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat-Penasihat Bersama TKBS .

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri telah menyerahkan hasil kutipan daripada masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara berjumlah BND100,307.44 .

Ketua Pegawai Sumber Manusia PCSB, Dayang Erwienna Shafienaz binti Abu Bakar menyerahkan hasil kutipan SMS Brunei Prihatin daripada Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) sebanyak BND29,973 .

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DST Sdn. Bhd., Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni telah menyampaikan dua 'mock cheque' iaitu sumbangan daripada DST Communications Sendirian Berhad sebanyak BND5,000 dan hasil kutipan SMS Brunei Prihatin sebanyak BND75,706.

Pegawai Ugama Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat, UBD, Awangku Muhd. Nur Hafizan bin Pengiran Haji Hassan menyampaikan derma daripada Universiti Brunei Darussalam (UBD)berjumlah BND2,000.

BILIK MESYUARAT AT-TAQWA, KKBS, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Januari - mesyuarat bagi Penutupan Tabung TKBS dan Pembubaran Jawatankuasa secara rasminya di Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KKBS selaku Pengerusi Bersama TKBS dan dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan TKBS.

- Jumlah kutipan ialah BND533,189.55 (tiga bulan, iaitu mulai **9 Oktober 2018** hingga **7 Januari 2019**)
- USD198,000.00 (dari jumlah hasil kutipan) disalurkan untuk enam buah unit huntara (huni sementara) ASEAN Resilient Village yang dikendalikan oleh pihak ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre).
- Baki kutipan tabung (setelah pembiayaan huntara-huntara tersebut) akan digunakan untuk pembinaan masjid atau infrastruktur lain yang diperlukan.

MAJLIS PERASMIAN PUSAT MASYARAKAT BESTARI DAERAH TEMBURONG

KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA, TEMBURONG, Khamis, 31 Januari - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menubuhkan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang dikenali sebagai Pusat Masyarakat Bestari (PMB) Temburong. Pusat ini akan menjadi 'One Stop Centre' untuk warga emas dan belia serta masyarakat sekeliling menjalankan kegiatan sosial yang berkebajikan ke arah masyarakat yang bersepadu dan berpengetahuan. Pusat ini juga ditubuhkan sebagai salah satu platform bagi warga emas untuk berinteraksi dan merapatkan jurang bersama pelbagai golongan masyarakat terutama sekali para belia, remaja dan kanak-kanak.

TAYANGAN PERDANA FILEM "RANGGAU"

ARENA CINEPLEX KIULAP MALL, KIULAP, Khamis, 31 Januari - Filem RANGGAU merupakan adaptasi dari kisah seram masyarakat tempatan di zaman lampau yang mengamalkan ajaran dan ilmu sesat sebelum berkembang syiar Islam.

Filem ini diterbitkan oleh QD' Roses Vision Production yang diarahkan dan skrip ditulis oleh Roslee HM ini memulakan penggambaran di negara ini April 2014 dan telah siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2017, menggunakan 100 peratus pelakon, lokasi dan bahasa tempatan.

SESI LAWATAN KERJA/MESYUARAT YB MENTERI KKBS KE JABATAN-JABATAN DI BAWAH KKBS

Muzium Teknologi Melayu

22.01.2019

Kompleks Sukan Mumong

23.01.2019

Unit Bencana Pulaie

24.01.2019

Perpustakaan Temburong

27.01.2019

Arkib Negara

26.01.2019

Pan Borneo

24.01.2019

Perpustakaan Sengkurong

28.01.2019

KKBS

30.01.2019

MELAKUKAN PERUBAHAN UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN – *Petikan Khutbah Jumaat 27 Rabiulakhir 1440/4 Januari 2019.*

Surah Ali-Imran ayat 159:

"Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermasyuarat) maka bertawakalah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal."

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, berkata: sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam sering berdoa:

"Ya Allah, perbaikilah urusan agamaku yang merupakan penjaga keselamatan urusanku, perbaikilah untukku urusan duniaku yang di dalamnya terdapat mata pencarianku, dan perbaikilah untuk ku urusan akhiratku yang akan menjadi tempat kembaliku. Jadikanlah hidup ini sebagai tambahan bagiku dalam setiap kebaikan, dan jadikanlah kematian sebagai pemutus dari setiap keburukan."

Sesungguhnya doa ini mengandungi lima permohonan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala :

Pertama:untuk memperbaiki agamanya. **Kedua**: untuk memperbaiki urusan dunianya.
Ketiga: untuk memperbaiki urusan akhirnya. **Keempat**: agar hidup di dunia ini diberkati dan dipenuhi dengan kebaikan.
Kelima: agar kematiannya dijadikan sebagai pemutus dari setiap keburukan, agar setiap yang ia perolehi adalah kebaikan.

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.